

Pembersihan sisa minyak di Taman Eng Ann selesai

BERITA HARIAN

19/3/19

Shah Alam: Kerja pembersihan sisa minyak di kolam takungan, saluran longkang dan tanah tercemar di Taman Eng Ann di sini, selesai sepenuhnya kelmarin.

Pengerusi Jawatankuasa Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi dan Inovasi dan Hal Ehwal Pengguna negeri, Hee Loy Sian, berkata sebanyak 28,000 liter sisa disedut menggunakan dua lori tangki penyedut.

“Lori yang penuh diisi itu diletakkan sebagai simpanan sementara sebelum pelupusan dilakukan.

“Kaedah pelupusan bersesuaian akan dilakukan selepas mendapat keputusan analisa persampelan daripada Jabatan Kimia berkenaan jenis buangan terbabit,” katanya pada satu kenyataan, semalam.

Loy Sian berkata, pihak Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), Pengurusan Bencana Negeri Selangor (UPBN) dan agensi lain diarah melakukan mitigasi dan pencegahan diambil serta-merta pada Khamis lalu, disusuli kerja pembersihan sehari kemudian oleh kontraktor pembersihan yang dilantik bagi mengelak sisa minyak yang dibuang mencemari Sungai Klang yang berada sekitar 1.5 kilometer dari lokasi kejadian.

Buat laporan polis

“Laporan polis dibuat pada jam 8.30 pagi, 15 Mac lalu dan siasatan forensik untuk mendapatkan bukti sabitan kesalahan juga dilakukan pada hari sama,” katanya.

Beliau berkata, hasil bantuan penduduk setempat, lori tangki yang disyaki digunakan untuk membuang sisa minyak itu ditemui dan proses siasatan terhadap individu atau syarikat terbabit sedang dijalankan.

Katanya, jika sabit kesalahan, pesalah boleh dikenakan tindakan mengikut Akta Kualiti Alam Sekeliling-1974, yang memperuntukkan denda sehingga RM100,000 atau penjara sehingga lima tahun atau kedua-duanya.

“Pada masa sama, tindakan perundangan juga boleh diambil berdasarkan Seksyen 7, Larangan Pencemaran Sumber Air, Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999, bergantung kepada keputusan analisis persampelan yang disesuaikan dengan Sub-Seksyen 79 enakmen sama.

“Denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya boleh dikenakan terhadap pesalah berdasarkan peruntukan perundangan ini,” katanya.



Lori yang penuh diisi itu diletakkan sebagai simpanan sementara sebelum pelupusan dilakukan”

Hee Loy Sian,

Pengerusi Jawatankuasa Alam Sekitar,
Teknologi Hijau, Sains, Teknologi dan
Inovasi dan Hal Ehwal Pengguna Selangor